

31/08/2001

Ekonomi Malaysia terus berkembang

Saidon Idris

MALAYSIA yang merdeka kini sudah berusia 44 tahun. Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, pelbagai halangan dan dugaan terpaksa diharungi. Namun, berkat kegigihan rakyat dan pemimpin yang komited terhadap pembangunan negara, Malaysia kini berada jauh di hadapan negara seusiaanya.

Hakikat itu diakui sendiri pemimpin negara yang terbabit. Sebagai contoh, Presiden Uganda, Yoweri Museveni ketika berucap pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika - Global 2001 di republik itu baru-baru ini berkata, ketika tahun 60-an, taraf ekonomi Malaysia dan Uganda hampir sama, tetapi selepas kira-kira 40 tahun, Malaysia kini berada jauh dihadapan.

Bagi yang pernah menjejaskan kaki ke negara itu, kata-kata Museveni itu bukan pujian yang semata-mata dibuat kerana mahu mengambil hati Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hadir pada dialog antarabangsa itu, tetapi ia adalah satu kenyataan.

Ini kerana jika berada di Kampala, iaitu ibu negara Uganda, tidak keterlaluan jika dikatakan kita seolah-olah berada di Kuala Lumpur sekitar awal tahun 60-an.

Dari segi kekayaan rakyatnya pula, pendapatan per kapita Malaysia yang hingga penghujung tahun lalu sekitar AS\$3,500 (RM13,300) adalah kira-kira 12 kali ganda lebih tinggi daripada Uganda yang masih berada sekitar AS\$300 (RM1,140), iaitu sebagaimana kedudukannya pada tahun 60-an dulu.

Berbanding negara Asean lain, pendapatan per kapita Malaysia juga adalah antara tertinggi. Di Indonesia contohnya pendapatan per kapita negara itu hanya sekitar AS\$700 (RM2,660), manakala Thailand pula adalah sekitar AS\$2,540 (RM9,651.99).

Malaysia mungkin masih belum dikategorikan sebagai negara maju, namun negara ini memiliki apa yang dimiliki negara berkenaan.

Dasar perindustrian yang dilaksanakan kerajaan sejak tahun 80-an kini sudah mengubah Malaysia daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara ekonomi berasaskan pembuatan.

Berikutan dasar itu Malaysia kini adalah antara pengeluar dan pengeksport utama barang elektronik dan antara pengeluar dan pengeksport terbesar cip.

Namun, dalam keghairahan kerajaan menukar ekonomi Malaysia kepada ekonomi yang berasaskan industri, kegiatan pertanian tidak diabaikan.

Hakikat itu terbukti dengan kekalnya kedudukan Malaysia sebagai antara pengeluar terbesar minyak sawit dunia.

Sesuatu yang mungkin ramai tidak menyedarinya ialah bagaimana pandangan jauh kerajaan dalam membangunkan ekonomi rakyatnya berjaya mewujudkan sebuah organisasi peladangan sawit terbesar dunia, Felda.

Dalam pada itu berikutan cita-cita tinggi pemimpin negara yang mahu membebaskan negara daripada terlalu bergantung kepada negara maju dalam mendapatkan barang yang memerlukan penggunaan teknologi tinggi dan modal yang besar, Malaysia turut tidak ketinggalan dalam industri berat.

Contoh terbaik kejayaan Malaysia dalam industri berat ini ialah projek kereta nasional yang dimulakan sekitar pertengahan tahun 80-an.

Kemampuan kereta keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan Perusahaan Otomobil Kedua Bhd (Perodua) menguasai pasaran kereta tempatan dan menerokai pasaran luar negara adalah bukti kejayaan projek berkenaan.

Memang tidak dinafikan Proton dan Perodua terpaksa menggunakan teknologi rakan kongsi Jepun dalam menghasilkan kereta keluaran masing-masing,

tetapi sebagai sebuah negara yang baru dalam industri itu, ia adalah strategi bijak dalam mendapatkan jalan pintas untuk menguasai teknologi.

Kejayaan dalam menguasai teknologi itu dibuktikan tahun lalu apabila Proton berjaya menghasilkan model pertama yang direka bentuk 100 peratus jurutera tempatan melalui model Waja.

Selain berjaya membangunkan teknologi tempatan, projek kereta nasional itu turut membantu mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Selain projek kereta nasional itu, kejayaan Malaysia dalam industri berasaskan petroleum juga adalah sesuatu yang sepatutnya menjadi kebanggaan rakyatnya.

Walaupun Malaysia adalah antara negara pengeluar minyak terkecil, pandangan jauh pemimpinnya bagi memanfaatkan sepenuhnya hasil bumi yang dimiliki bagi kesejahteraan rakyat, termasuk generasi akan datang yang mungkin ketika itu tidak dapat lagi melihat pelantar minyak di negara ini, tertubuhlah syarikat minyak negara, Petronas.

Penubuhan Petronas ternyata membuahkan hasil begitu mengagumkan. Syarikat minyak kebangsaan itu kini bukan lagi sebuah syarikat yang hanya menerokai hasil minyak negara, tetapi sudah menjadi sebuah syarikat minyak antarabangsa dengan pembabitan meluas di luar negara.

Selain terbabit dalam sektor hulu industri minyak dan gas, ia turut membabitkan diri dalam sektor hiliran, termasuk petrokimia yang memerlukan teknologi tinggi dan modal besar.

Dari segi keuntungan, walaupun Petronas masih baru berbanding gergasi minyak antarabangsa lain, ia tersenarai antara syarikat minyak yang memperoleh keuntungan tertinggi.

Oleh itu, walaupun rizab minyak dan gas yang ada di negara ini sudah diterokai sepenuhnya, berkat kepekaan pemimpin negara terhadap keperluan generasi Malaysia akan datang, hasilnya akan terus dinikmati mereka dalam bentuk pemilikan sebuah syarikat minyak gergasi antarabangsa.

Jika dahulu rakyat negara ini terpaksa membelanjakan beribu-ribu ringgit keluar negara bagi melihat bangunan tertinggi dunia, tetapi kini ia sudah tidak perlu.

Bangunan tertinggi dunia sudah berada di negara ini, bukan satu tetapi dua.

Menara berkembar KLCC adalah bangunan berkembar tertinggi dunia dengan ketinggian 452 meter, manakala Menara Kuala Lumpur pula dengan ketinggian 421 meter adalah menara telekomunikasi.

Dari segi pengangkutan, kemudahan yang ada di negara ini adalah setanding dengan negara maju, malah dalam beberapa aspek ia adalah jauh lebih maju.

Lebuhraya Malaysia adalah antara yang terbaik di Asia. Di samping itu, Malaysia juga kini sedang membangunkan sistem pengangkutan awam termoden menerusi Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan sistem keretapi monorel.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang pula adalah antara lapangan terbang termoden di dunia.

Walaupun, ada pihak yang menuduh pembinaan KLIA adalah satu pembaziran, tidak beberapa lama lagi mereka juga akan terpaksa menelan kembali tuduhan berkenaan sebagaimana yang terpaksa dilakukan sebelum ini seperti menuduh pembinaan jambatan Pulau Pinang sebagai pembaziran.

Ini kerana ternyata jambatan itu memberikan banyak manfaat kepada negara, malah kerana kepesatan ekonomi negara khususnya di negeri itu, jambatan itu kini sudah tidak dapat lagi menampung banjir kenderaan yang berulang alik ke pulau berkenaan.

Kira-kira tiga tahun lalu, negara dilanda masalah ekonomi yang besar akibat kelalaian sistem kewangan antarabangsa dalam mengawal kegiatan spekulator mata wang hingga menyebabkan seluruh Asia Timur ditimpa krisis

kewangan.

Bagi menghadapi krisis itu, banyak negara yang mengambil jalan mudah dengan memohon bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi menyelesaikan masalah mereka.

Akibatnya negara berkenaan kini terpaksa tunduk kepada telunjuk institusi berkenaan dengan secara tidak langsung menyerahkan kuasa pengurusan ekonomi mereka.

Namun, kerana lebih mementingkan kesejahteraan rakyat dan mahu mengekalkan penguasaan ekonomi negara bagi ditinggalkan sebagai pesaka kepada generasi akan datang, pemimpin negara ini enggan mengambil jalan mudah .

Walaupun menerima kutukan dan kritikan, dari luar dan dalam, barisan pemimpin Malaysia dengan disokong cendekiawan tempatan berusaha memulihkan ekonomi negara melalui dasar yang dirangka sendiri.

Hasilnya, tidak sampai dua tahun, ekonomi negara kembali pulih, walaupun kini terpaksa pula berdepan dengan masalah kelembapan ekonomi dunia.

Usaha itu ternyata berhasil yang mana ketika negara lain di rantau ini dihantui kemelesetan ekonomi, Malaysia masih mampu menikmati pertumbuhan sebagaimana dicatatkan dalam separuh pertama tahun ini apabila ekonomi negara terus berkembang pada kadar 1.8 peratus, manakala angka pertumbuhan bagi seluruh tahun ini pula dianggarkan sekitar dua atau tiga peratus.

Walaupun angka itu rendah, ia tetap satu pertumbuhan dan apabila ekonomi negara mencatat pertumbuhan bermakna pendapatan rakyatnya juga turut meningkat.

(END)